

AAB

Mahathir - Penan (Ulangan Membetulkan Pekerjaan Eric Hansen)

PM TIDAK HAIRAN DENGAN CERITA REKAAN KUMPULAN ASING

JOHOR BAHRU, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak hairan dengan laporan yang mengatakan sebuah kumpulan bukan kerajaan di Amerika Syarikat telah mengumpulkan sejumlah wang setelah membuat cerita kononnya kaum Penan di Sarawak dianiayai.

"Memang ada orang yang macam itu... yang suka mencari peluang daripada masalah buatan mereka," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota UMNO Johor di kediaman rasmi Menteri Besar, di sini.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya tidak ada apa-apa masalah dengan kaum Penan tetapi mereka (kumpulan bukan kerajaan itu) hendak menjadi jaguh dengan mencipta masalah.

Golongan itu juga mencipta diri mereka sebagai jaguh semata-mata untuk mendapatkan duit, katanya ketika diminta mengulas mengenai pendedahan seorang penulis Amerika di akhbar hari ini yang mendakwa sebuah kumpulan bukan kerajaan di Amerika telah mengumpulkan sejumlah wang hasil cerita rekaan mengenai kaum Penan.

Penulis itu, Eric Hansen berkata, malangnya tidak sesenpun wang yang dikumpulkan akan dibahagikan kepada kaum Penan, yang didakwa kumpulan Rainforest Action Network (RAN) sebagai menghadapi masalah pembunuhan, dianiaya dan rogol. -- Lagi.

▼11/10/20-45MST

CNS4947

U GB 11-10 00151 BB727

AAB

Mahathir - Penan 2 Johor Baharu

"Saya tidak hairanlah perkara ini berlaku. Saya tidak tahu mungkin banyak lagi berlaku orang yang pergi sana-sini untuk mendapatkan derma kerana mereka ingin menggunakan wang untuk diri mereka," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada perlu bagi kumpulan itu untuk meminta maaf terutamanya kepada kerajaan Sarawak, Perdana Menteri berkata: "Boleh jugalah... tapi bagi saya orang yang macam ini, dia minta maaf atau tidak, tidak ada harga langsung."

"Orang macam ini tidak ada nilai. Dia punya 'apology' pun tidak ada harga," tambahnya.

Ketika ditanya apa yang menyebabkan kumpulan seumpama itu bertindak sedemikian, Dr Mahathir berkata, biasanya golongan seperti itu berpendapat mereka ditugaskan masyarakat untuk mengawasi segala keburukan yang berlaku.

Atas sebab itu mereka menubuhkan badan seperti "Asia Watch" kononnya untuk memerhati orang Asia yang membuat kesalahan, seolah-olah mereka tidak pernah membuat kesalahan, tambahnya. -- Lagi.

▼11/10/20-32MST

CNS4948

U GB 11-10 00122 BB728

AAB

Mahathir - Penan 3 (Akhir) Johor Baharu

"Sebaliknya di negara mereka sendiri, mereka melakukan bermacam-macam ketidakadilan dan saya syor supaya kita mengadakan "Europe Watch", "America Watch" dan "Australia Watch"," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyoal apa kelebihan mereka yang kononnya boleh mengawasi negara ini.

Beliau berkata, apa yang menarik ialah mereka hendak menjadi pengawas mengenai moral dunia tetapi mereka sendiri tidak mempunyai moral.

Ketika ditanya mengenai laporan agensi berita dari Baitulmuqaddis semalam bahawa Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin kononnya akan singgah di Malaysia dalam perjalanan pulang dari China, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak ada (menerima) permintaan tentang dia nak singgah. Saya tak fikir dia (akan) singgah. -- Bernama...

MKO OM KAM.

▼11/10/20-35MST